

# TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

LAPORAN

**DANA TAKAFULINK 2016**

Laporan dan Penyata Takafulink  
untuk tahun berakhir 31 Disember 2016

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL

# Kandungan

- 2 Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif
- 5 Objektif Dana
- 6 Ulasan Pasaran
- 12 Prestasi Dana
- 13 Unjuran Pelaburan
- 15 Sorotan Kewangan
- 27 Penyata Aset dan Liabiliti
- 31 Penyata Pertukaran dalam Nilai Aset Bersih
- 35 Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
- 39 Nota-nota kepada Akaun
- 41 Laporan Pengarah
- 42 Laporan Juruaudit Bebas

## Pemegang Sijil yang Dihormati,

Kami berbesar hati untuk menyampaikan kepada anda **Laporan Dana Takafulink 2016** bagi Prudential BSN Takaful Berhad. Laporan ini boleh didapati di laman web kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).



# Mampukan dia berdikari tanpamu satu hari nanti



## MANFAAT



Kelangsungan  
Hidup Keluarga



Hibah



Had Tanpa Pemeriksaan  
Perubahan Yang Tinggi

*\*Tertakluk pada Terma & Syarat*

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL

## PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

2016 merupakan tahun yang mengujakan buat kami di PruBSN. Bersama pasukan yang telah mengharungi pelbagai cabaran dengan penuh ketahanan dan ketabahan, saya berbesar hati untuk berkongsi edisi terbaru Laporan Dana Takafulink kami. Semoga laporan ini akan dijadikan panduan ketika anda membuat perancangan untuk keperluan dan matlamat jangka panjang kewangan anda.

Pasaran antarabangsa tidak stabil sepanjang 2016 dengan perkembangan politik global turut meningkatkan ketidakpastian dalam pasaran Malaysia. Turun naik pasaran tidak menjejaskan ekonomi Malaysia yang mencatat pertumbuhan sebanyak 4.2% pada 2016 dan dijangka untuk mengekalkan pertumbuhan sederhana sebanyak 4.5% pada 2017. Sejalan dengan itu, pencapaian kami dalam industri dan tinjauan mendalam terhadap perubahan ekonomi dan penguatkuasaan telah mengukuhkan kredibiliti kami sebagai pakar dalam industri takaful.



“ Kami telah mencapai pertumbuhan Perniagaan Baru berasaskan Sumbangan Tahunan Setara (Annual Contribution Equivalent)<sup>1</sup> sebanyak 4.3% berbanding tahun sebelumnya dengan RM446 juta dan bahagian pasaran 32.5% setakat 31 Disember 2016. ”

## Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif

Kami telah mencapai pertumbuhan Perniagaan Baru berasaskan Sumbangan Tahunan Setara (Annual Contribution Equivalent)<sup>1</sup> sebanyak 4.3% berbanding tahun sebelumnya dengan RM446 juta dan bahagian pasaran 32.5% setakat 31 Disember 2016. Ini mengekalkan kami sebagai Pengendali Takaful terkemuka di negara ini selama 6 tahun berturut-turut.

Semenjak awal penubuhan kami, PruBSN kekal fokus untuk menyediakan peluang perlindungan dan simpanan yang memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang semakin meningkat. Dengan pasaran yang kerap berubah, keupayaan menyesuaikan perniagaan kami dengan persekitaran adalah satu keunggulan persaingan. Pada 2016, kami telah memperkenalkan Visi dan Misi yang baru sebagai panduan dalam memajukan perniagaan melalui objektif kami yang diperbaharui ini.

### VISI

Menjadi pengendali Takaful pilihan pertama masyarakat dan komuniti

### MISI

Menjamin masa depan keluarga di Malaysia melalui penyelesaian inovatif yang dibina berasaskan nilai-nilai Islam

2016 turut menyaksikan pelbagai inisiatif yang telah menyumbang kepada penyelesaian lebih berdaya cipta dalam pasaran, sekaligus menambah kepada senarai 'pertama di pasaran' kami yang mengagumkan. Kami memperkenalkan PruBSN Warisan, satu lagi pelan inovatif yang menguatkan kedudukan kami sebagai pendahulu industri. PruBSN Warisan adalah pelan takaful berkaitan pelaburan dengan jumlah perlindungan yang tinggi bagi menampung keperluan untuk meninggalkan warisan buat orang tersayang dalam bentuk hibah (hadiah) sekiranya perkara tidak diingini berlaku. Bersama-sama pelancaran produk ini, kami juga menyediakan pelbagai aktiviti menarik dan meluas bagi mempromosikan hibah takaful melalui penggunaan media yang pelbagai.

Seperti pelanggan-pelanggan kami, kami juga teruja dengan teknologi baru. Kami ciptakan PruBSN Touch, sebuah portal pelanggan yang dilengkapi dengan kemudahan Sijil Elektronik, untuk membolehkan para pelanggan kami mengemaskini butiran peribadi, mencetak penyata tahunan, menyemak butiran sijil, memantau bayaran sumbangan serta status polisi. Kami juga melancarkan platform pembayaran elektronik yang menawarkan para pemegang sijil fleksibiliti untuk membuat bayaran secara online. Inovasi ini mencerminkan usaha kami dalam memanfaatkan teknologi dengan cara yang benar-benar berguna untuk para pelanggan kami serta menepati inisiatif kerajaan untuk mendigitalkan transaksi kewangan.

<sup>1</sup> Sumbangan Tahunan Setara (Annual Premium Equivalent, APE atau Annual Contribution Equivalent, ACE) merupakan piawai global yang digunakan secara meluas untuk mengukur pencapaian perniagaan baru bagi syarikat insurans dan takaful. APE atau ACE ialah jumlah keseluruhan premium biasa daripada perniagaan baru (+) 10% daripada jumlah keseluruhan premium tunggal untuk perniagaan yang tertulis bagi tahun tersebut.

## Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif

Selain mewujudkan faedah buat para pelabur dan pemegang saham kami, kami juga berusaha menyediakan manfaat ekonomi dan sosial buat komuniti di mana kami beroperasi. Salah satu daripada usaha tanggungjawab sosial paling bermakna buat kami ialah Projek Surprise yang bertujuan memberikan harapan buat pesakit kanser kanak-kanak di seluruh negara dengan menunaikan hajat mereka. Kami juga mengagihkan sejumlah besar dana zakat dan kebajikan buat komuniti kami dengan menyediakan keperluan asas hidup, kelangsungan pendidikan dan membantu mereka yang menghidap penyakit kritikal. Sebagai lanjutan daripada program Tanggungjawab Sosial & Korporat kami, kami turut bekerjasama dengan badan kebajikan pasukan Prudential Serantau, Prudence Foundation, untuk misi bantuan pasca bencana dan pembinaan semula di Bantayan, Filipina dan Quang Binh, Vietnam tahun lalu.

Usaha penuh fokus dan pelaksanaan berdisiplin terhadap strategi utama kami telah membolehkan kami meraih pelbagai anugerah industri. Tahun lalu, PruBSN dianugerahkan 'Syarikat Takaful Paling Menyerlah' pada Forum Kewangan Islamik Kuala Lumpur yang ke-13 dan memenangi 24 anugerah termasuk 'Pengendali Takaful Terbaik Perniagaan Agensi Takaful Keluarga' oleh Malaysian Takaful Association.

Kami mengharapkan sokongan berterusan anda untuk melangkah lebih jauh dan menyahut cabaran baru demi memberikan anda khidmat yang terbaik. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan ikhlas atas kesetiaan dan galakan berterusan anda buat PruBSN. Terima kasih juga buat para pemegang saham kami yang telah sama-sama menyumbang tenaga memastikan jaminan kewangan kepada seluruh rakyat Malaysia serta keluarga mereka. Kami doakan kejayaan anda di 2017!

Yang ikhlas,



**Aman Chowla**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Prudential BSN Takaful

## OBJEKTIF DANA

Dana Takafulink Dana Ekuiti bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti berkualiti tinggi patuh Syariah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Dana Takafulink Dana Bon bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana ke panjang melalui pelaburan dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam yang terpilih.

Dana Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dalam mana-mana dana Takafulink lain yang mungkin akan diperkenalkan pada masa hadapan.

Dana Takafulink Dana Ekuiti Dinasti bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan mematuhi Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.

Tiada perubahan di dalam objektif pelaburan untuk semua dana sepanjang tahun ini.

## ULASAN PASARAN

### Pasaran Ekuiti

Tahun 2016 bermula dengan pasaran ekuiti dunia yang tidak menentu apabila pelabur berasa bimbang tentang ekonomi Amerika Syarikat ("AS"), kelemahan harga minyak yang hanya memberi kesan kecil ke atas pengeluaran minyak, dan kebimbangan berlanjutan mengenai kemelesetan pasaran saham China. China telah menarik balik peraturan yang ditetapkan oleh pentadbirnya pada tahun 2015 dan kini membolehkan pemegang saham dengan pegangan melebihi 5% dan orang dalam untuk menjual saham mereka. Suruhanjaya Pengawasan Sekuriti China ("CSRC") memperkenalkan penggunaan pemutus kitaran dalam usaha untuk memperlakukan pergerakan liar pasaran, tetapi menerima tindakbalas yang berlawanan, sekaligus menyebabkan berlaku tekanan jualan yang lebih tinggi dan mencetuskan pemutus kitaran beberapa kali semasa minggu pertama dagangan sehinggalah CSRC membatalkannya empat hari kemudian. Ia dirumitkan lagi oleh kelemahan Dolar AS ("USD") apabila jangkaan untuk US Federal Reserve mengekalkan kedudukan agresif mereka meleset pada awal Februari akibat pengetatan keadaan kewangan. Berikutan harga minyak yang lebih rendah, kerajaan Malaysia mengumumkan pelarasan semula Bajet 2016 dalam usaha untuk mengekalkan disiplin fiskal. Laporan pendapatan untuk musim 4Q2015 berakhir dengan konsensus menyelaraskan turun hasil untuk tahun 2015 dengan pengurangan sebanyak 2%-3% dan perolehan sesaham ("EPS") 2016 pula dijangka akan mengalami pertumbuhan sebanyak 5%-6% tahun-ke-tahun (t-k-t), turun daripada 7%-8% pada permulaan 2016. Ringgit Malaysia ("MYR") mengukuh dari RM4.29/USD pada akhir 4Q2015 kepada RM3.90/USD pada akhir 1Q2016. Pelabur institusi asing menjadi pembeli bersih ekuiti Malaysia untuk 1Q2016 dengan nilai RM5.7 bilion selepas enam suku tahun berturut-turut menyaksikan aliran keluar asing bersih. Harga minyak mentah juga mengalami kenaikan dari serendah USD27.10 setong pada Januari 2016 ke USD38.34 setong pada pengakhiran suku tahun 2016 apabila pengeluaran minyak syal di AS mula menunjukkan tanda-tanda penurunan.

Pasaran mengalami penggabungan pada awal 2Q2016 apabila harga minyak mentah meningkat dengan stabil dan turun-naik matawang berbanding USD. Selepas beberapa bulan berhadapan dengan ketidakpastian mengenai kebarangkalian perubahan risiko BREXIT, kenaikan kadar faedah AS dan data ekonomi yang lebih perlahan dari China, pasaran global mengalami pembetulan ketara menjelang akhir 2Q2016 apabila peristiwa yang tidak dijangka berlaku: pada 23 Jun 2016, United Kingdom ("UK") mengundi untuk meninggalkan Kesatuan Eropah. Jualan panik berlaku tetapi pasaran mengalami lantunan selepas itu apabila Perdana Menteri UK meletak jawatan berikutan keputusan yang diambil, dan pelabur mula memahami mekanisme bagaimana UK akan meninggalkan Kesatuan Eropah, dan bagaimana ia akan menjadi peralihan yang memakan masa yang panjang. Permintaan untuk matawang yang selamat mula dicari, dan Yen Jepun mengukuh di bawah Yen100/USD dalam sehari pada akhir Jun (mengukuh sekitar 16%), manakala Pound British mengalami susutnilai sebanyak 10%. Dalam negara pula, Malaysia mengalami trend menurun semasa 2Q2016 walaupun harga minyak mentah melonjak naik dari USD40 setong kepada USD50 setong pada suku tahun tersebut. Sentimen pelabur pula lemah bersandarkan kebimbangan mengenai kemungkinan teknikal ke atas bon 1Malaysia Development Berhad ("1MDB") yang terlepas satu bayaran berikutan timbulnya pertelingkahan di antara penerbit (1MDB) dan penjamin (International Petroleum Investment Co), sehingga mencetuskan spekulasi mengenai potensi kemungkinan bersilang dan meletakkan penarafan negara dalam risiko. Malahan, pengumuman mengenai peralihan Datuk Muhammad Ibrahim, yang merupakan timbalan gabenor Bank Negara Malaysia ("BNM"), sebagai gabenor baharu BNM tidak berjaya untuk melonjakkan pasaran. Pendapatan pada musim 1Q2016 sekali lagi mengecewakan, dan konsensus telah memotong hasil untuk tahun 2016 sebanyak 4.5%, dan kini menjangka pendapatan untuk tahun 2016 masih akan berkembang pada kadar 1.3%. Bagaimanapun, meskipun dengan tahun unjuran pertumbuhan perolehan yang lemah, ekonomi Malaysia masih kekal bertahan walaupun berdepan ketidaktentuan luaran seperti BREXIT.



## Ulasan Pasaran

### Pasaran Ekuiti (sambungan)

Pasaran global mengalami lonjakan yang sederhana pada 3Q2016 berdasarkan jangkaan usaha global yang berterusan untuk memastikan dasar moniteri yang bersesuaian masih menjadi keutamaan. Pasaran Eropah kembali stabil apabila terdapat penyelesaian pantas mengenai kedudukan Perdana Menteri UK yang dikosongkan oleh David Cameron akibat BREXIT. Menjelang akhir 3Q2016, pelancaran iPhone7 oleh Apple mendapat sambutan yang memberangsangkan, di mana stok untuk model baharu ini habis terjual dalam masa beberapa hari selepas dilancarkan. Samsung Electronic pula terjejas teruk oleh penarikan balik Galaxy Note 7 terbaharu mereka yang berpunca daripada masalah bateri meletup. Debat Presiden AS turut menjadi tumpuan apabila perlumbaan di antara dua calon masih sengit dengan hanya lima minggu sebelum pilihanraya diadakan. Harga minyak mentah melonjak naik apabila mesyuarat *Organisation of the Petroleum Exporting Countries* [Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum] ("OPEC") di Algiers menyaksikan persetujuan ringkas untuk membekukan pengeluaran. Ekuiti Malaysia mengalami pembedahan pada awal 3Q2016 dengan adanya aliran berita negatif daripada pengumuman Jabatan Hakakiman AS yang memfailkan tindakan sivil untuk menyita harta-harta yang berkait dengan 1MDB, di bawah Inisiatif Penyitaan Aset Kleptokrasi. Fitch Ratings telah menurunkan Penarafan Kemungkinan Penerbit (IDR) Matawang Asing dan Tempatan Jangka Panjang Petronas dari A- kepada A, tetapi mengesahkan IDR matawang asing jangka pendek mereka pada F1. Unjuran untuk IDR Jangka Panjang adalah Stabil. Pendapatan pada musim 2Q2016 memberikan satu lagi kitaran pendapatan yang lebih rendah daripada jangkaan, menyebabkan konsensus pertumbuhan pendapatan Malaysia untuk 2016 kepada anggaran -2% t-k-t, tahun ketiga untuk pertumbuhan negatif. 3Q berakhir dengan lebih tumpuan kepada Bajet 2017 yang bakal diumumkan, dan kebimbangan sama ada sasaran defisit fiskal Malaysia pada kadar 3.1% untuk 2016 boleh dicapai.

4Q2016 sangat tidak menentu untuk pasaran global. Parlimen UK membahaskan penarikan isu keluar mereka dari Kesatuan Eropah, apabila Sterling Pound jatuh ketara berbanding USD dan Euro. Pada bulan November, kemenangan mengejut Donald Trump semasa Pilihanraya Presiden AS menimbulkan ketidakpastian global, dan menyaksikan pasaran serantau Asia Pasifik mengalami pembedahan ketara atas jangkaan potensi dasar dagangan yang negatif bakal dilaksanakan. Selepas berlaku kejatuhan seketika tetapi besar pasca pilihanraya, pasaran ekuiti AS melonjak ke paras tertinggi apabila pelabur berharap khabar mengenai pemotongan cukai korporat dan peningkatan perbelanjaan fiskal akan merangsang ekonomi. Pada bulan Disember, Rizab Persekutuan AS menaikkan julat sasaran untuk Kadar Dana Persekutuan sebanyak 0.5-0.75% seperti yang dijangka, dan Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan ("FOMC") memberi petunjuk bahawa lebih banyak kenaikan kadar akan berlaku. Harga minyak meningkat naik apabila ahli bukan OPEC bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran, di samping pemotongan pengeluaran yang telah dipersetujui oleh ahli OPEC. Ekuiti Malaysia memulakan 4Q2016 dengan baik, diiringi kebimbangan untuk mencapai sasaran defisit fiskal membawa kepada pengumuman Bajet 2017. Kebimbangan pelabur asing meningkat apabila BNM menegaskan bahawa bank dalam pesisir tidak boleh berurusan dengan bank luar pesisir yang mempunyai dagangan hadapan tidak-dihantar ("NDF") yang dianggap mencetus spekulasi atas Ringgit dan pergerakan turun-naik yang sangat bergelora untuk kadar tukaran kebelakangan ini. MYR meneruskan aliran menurunnya pada akhir 4Q2016 pada RM4.4862/USD, sekaligus menyebabkan BNM mengambil langkah pencegahan pada awal bulan untuk menghadkan pengekspornan daripada mengumpul USD.

Indeks FBM Emas Syariah (FBMS) mengakhiri tahun di bawah ulasan pada 12,014.42 mata, jatuh 6.142%. Indeks FBM Emas (FBMEMAS) yang lebih meluas pula ditutup 2.77% lebih rendah untuk tempoh di bawah ulasan. Indeks MSCI Asia Pasifik kecuali-Jepun naik 3.74% dari segi USD<sup>1</sup>.

<sup>1</sup>Rujukan: Bloomberg: World indices

## Ulasan Pasaran

### Ulasan Pasaran Sukuk

Bank Negara Malaysia (“BNM”) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (“OPR”) pada 3.25% sepanjang separuh pertama 2016 kerana BNM percaya pendirian dasar moniteri yang ada kekal bersesuaian dan menyokong aktiviti ekonomi. Bagaimanapun, BNM masih memerhatikan risiko penurunan dalam ekonomi global dan persekitaran kewangan, dan mengawasi dengan teliti serta menilai implikasinya ke atas kestabilan harga dan pertumbuhan tempatan untuk memastikan pendirian tersebut adalah konsisten dengan kemampuan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Selain itu, BNM telah mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (“SRR”) dari 4.00% kepada 3.50% berkuatkuasa pada 1 Februari untuk memastikan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan.

Semasa mesyuarat Jawatankuasa Dasar Moniteri (“MPC”) pada 13 Julai 2016, BNM tanpa dijangka telah memotong OPR sebanyak 25 mata asas (“bps”) kepada 3.00% daripada 3.25%. Langkah BNM mengurangkan OPR dilihat sebagai langkah pencegahan oleh bank pusat tersebut di mana BNM menjangka momentum pertumbuhan ekonomi utama akan menjadi sederhana pada separuh kedua tahun, digabung dengan peningkatan risiko penurunan yang mungkin disebabkan oleh pungutan suara mengenai Kesatuan Eropah di United Kingdom. Selepas pemotongan kadar pada bulan Julai, BNM mengekalkan OPR pada 3.00% semasa mesyuarat MPC yang seterusnya. BNM menjangka ekonomi tempatan akan kekal cergas dan akan berkembang pada 4%-4.5% untuk 2016 tetapi ketidakpastian global mungkin menyukarkan pertumbuhan Malaysia. Sungguhpun begitu, BNM meramalkan bahawa permintaan tempatan akan terus menjadi pemangkin utama pertumbuhan manakala penggunaan swasta pula akan disokong oleh penggajian yang stabil dan pertumbuhan pekerjaan. Pelaburan secara menyeluruh diramalkan akan disokong oleh pelaksanaan berterusan projek prasarana dan perbelanjaan modal di sektor pengeluaran dan perkhidmatan. Eksport dijangka kekal lemah berikutan permintaan yang lebih perlahan daripada rakan dagangan utama Malaysia.

Inflasi menyeluruh berkurangan dari 2.7% tahun-ke-tahun (t-k-t) pada Disember 2015 kepada 1.8% t-k-t pada November 2016. Penurunan ini dimangkin secara utama oleh kejatuhan dalam kos pengangkutan (-1.5% t-k-t), komunikasi (-2.7% t-k-t) dan inflasi pakaian (-0.5% t-k-t). Sebaliknya, inflasi makanan dan minuman bukan-alkohol pula agak stabil pada 3.9% t-k-t pada Disember 2015 dan 3.8% t-k-t pada November 2016. Untuk 2017, inflasi menyeluruh dijangka akan meningkat berikutan pengurangan subsidi dan digabung dengan harga tenaga yang lebih tinggi apabila harga minyak melantun naik dari sekitar Dolar US (“USD”) 41 setong pada Januari kepada hampir USD53 setong pada akhir Disember 2016.

Dalam ucapan belanjawannya pada bulan Oktober, Perdana Menteri membentangkan belanjawan negara 2017 dengan tema “Merencanakan Pertumbuhan, Memastikan Pengurusan Fiskal Berhemat, Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat”. Secara keseluruhannya, penggabungan fiskal masih berada di landasannya di mana Kerajaan merancang untuk mencapai defisit belanjawan sebanyak RM40.3 bilion atau 3.00% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (“KDNK”) pada 2017. Kerajaan menjangka pendapatan pada 2016 akan berkurangan kepada RM212.6 bilion (2015:RM219.1 bilion) disebabkan oleh kutipan pendapatan berkaitan petroleum yang lebih rendah berikutan harga minyak mentah yang lebih rendah. Bagaimanapun, impak ini dijangka ditampai oleh kutipan Cukai Perkhidmatan Kerajaan (“GST”) yang lebih baik.

## Ulasan Pasaran

### Ulasan Pasaran Sukuk (sambungan)

Selain itu, Kerajaan turut meramalkan bahawa kutipan pendapatan akan meningkat 3% pada 2017 berdasarkan perolehan cukai lebih besar daripada kutipan cukai pendapatan korporat. Kerajaan Persekutuan menjangka ekonomi Malaysia akan memperolehi cengkaman yang diperlukan untuk berkembang di antara 4.0-5.0% pada 2017 di mana Kerajaan berpendapat pertumbuhan akan kekal dimangkin oleh sektor swasta, disokong oleh perkembangan lebih pantas dalam penggunaan swasta dan pelaburan swasta serta sokongan tambahan daripada perbelanjaan awam dan pemulihan berterusan dalam eksport.

Kemenangan mengejut oleh calon presiden parti Republikan Donald Trump semasa Pilihanraya Presiden Amerika Syarikat pada November 2016 telah menyebabkan kebanyakan pelabur mencari rantau selamat di seluruh dunia. Dasar pelaburan yang diketengahkan oleh Trump sepanjang tempoh kempenya telah menyebabkan pelabur amat bimbang tentang masa hadapan Amerika dan ekonomi global. Dasar masa hadapan Trump menunjukkan akan berlaku perbelanjaan fiskal dan pemotongan cukai yang lebih tinggi, yang boleh membawa kepada bekalan yang lebih banyak dan pulangan yang lebih tinggi. Selain itu, kemungkinan berlaku perubahan Rizab Persekutuan AS ("Fed") yang dibayangkan oleh pasaran meningkat selepas kejayaan Trump di mana pelabur kini menjangka Fed akan meneruskan langkah pengetatan moniterinya pada Disember 2016 dan 2017 yang akan datang.

Pada Disember 2016, pihak Fed telah menaikkan kadar faedah utamanya sebanyak 25bps kepada 0.50-0.75%. Langkah Fed menaikkan kadar faedah telahpun dijangka oleh pasaran memandangkan pihak Fed telah memberi beberapa petunjuk mengenai kenaikan faedah tersebut selama hampir setahun sejak kali terakhir ia dinaikkan pada Disember 2015 daripada rekod terendah hampir sifar yang ditetapkan semasa krisis kewangan 2008. Tindakan terkini Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan ("FOMC") menandakan bahawa pihak Fed percaya ekonomi AS telah mengalami pemulihan sepanjang tahun lepas dan menjangka aktiviti ekonomi AS akan terus berkembang pada kadar sederhana dengan keadaan pasaran buruh yang semakin baik.

Untuk tempoh di bawah ulasan, pulangan sukuk kerajaan untuk 3-tahun, 5-tahun, 10-tahun dan 15-tahun masing-masing berubah sebanyak +31bps, -4bps, -15bps dan +3bps kepada 3.66%, 3.80%, 4.37% dan 4.65%. Pada 1Q2016, pulangan sukuk kerajaan menurun selepas BNM mengurangkan SRR dari 4.00% kepada 3.50% berkuatkuasa pada 1 Februari untuk memastikan terdapat kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan. Tambahan pula, pulangan meneruskan aliran menurunnya selepas kenyataan berbau defensif dikeluarkan oleh FOMC yang membayangkan laluan kenaikan kadar secara beransur-ansur pada 2016. Pulangan sukuk kerajaan terus jatuh pada akhir suku kedua dan suku ketiga 2016, berikutan Pungutan Suara United Kingdom pada 23 Jun 2016 yang menyaksikan penarikan keluar dari Kesatuan Eropah dan selepas BNM mengejutkan pasaran apabila ia memotong OPR sebanyak 0.25% kepada 3.00% semasa mesyuarat MPC pada bulan Julai 2016. Bagaimanapun, pulangan sukuk kerajaan meningkat naik pada bulan November apabila calon presiden Republikan, Donald Trump memenangi Pilihanraya Presiden AS yang diadakan. Bersandarkan dasar ekonomi yang diketengahkan oleh Trump sepanjang tempoh kempenya, kebanyakan pelabur amat bimbang tentang masa hadapan Amerika dan ekonomi global. Selain itu, pulangan didagangkan lebih tinggi atas jangkaan kenaikan kadar Fed yang lebih tinggi apabila pihak Fed meramalkan akan berlaku tiga kenaikan kadar pada 2017 berbanding dua kenaikan kadar yang diramalkan sebelumnya.

## Ulasan Pasaran

### Ulasan Pasaran Sukuk (sambungan)

Pulangan sukuk korporat biasanya bergerak seiring dengan pulangan sukuk kerajaan, walaupun sedikit ketinggalan. Aktiviti di pasaran sukuk korporat telah disokong oleh kecairan yang mencukupi dan persekitaran kredit yang stabil.

Dari segi bekalan pula, jumlah terbitan baharu Korporat Malaysian Ringgit ("MYR") pada 2016 agak mendatar sekitar RM71 bilion dengan anggaran 25% berbentuk konvensional dan 75% berlandaskan Syariah. Kebanyakan terbitan utama adalah dari sektor jaminan kerajaan, kuasa, lebuhraya tol dan perbankan. Terbitan utama termasuk RM9 bilion dari Danainfra, RM5.5 bilion dari Sarawak Hydro, RM4.2 bilion dari Cagamas dan RM3.6 bilion dari Lebuhraya Duke Fasa-3.

### Asia-Pasifik kecuali-Jepun

Pasaran ekuiti Asia mengakhiri 2016 dengan sedikit peningkatan walaupun terdapat beberapa peristiwa global yang tidak dijangka berlaku sepanjang tahun. Atas dasar tahun-ke-tahun, Stock Exchange of Thailand ("SET"), Korean Composite Stock Price Indices ("KOSPI") dan Indeks Hang Seng Hong Kong mencatat kenaikan manakala Malaysia, Vietnam, dan Filipina mengakhiri tahun dengan kerugian.

Sentimen negatif dari 2015 berlarutan hingga ke 2016. Selepas pemutus kitaran China menakutkan pasaran pada hari pertama dagangan, pelabur telah melahirkan kebimbangan mengenai ekonomi dan matawang China yang lemah, harga minyak yang menjunam dan musim pendapatan AS yang mengecewakan. Terdapat sedikit kelegaan apabila pasaran ekuiti global mengalami kenaikan pada akhir hari dagangan Januari 2016 selepas Bank of Japan mengejutkan pasaran dengan kadar faedah negatif. Sepanjang masa berlabu, ekuiti Asia menerima rangsangan kenaikan apabila People's Bank of China's ("PBoC") membuat keputusan untuk memotong keperluan rizab pada Mac 2016 dan terdapat permintaan tinggi global untuk saham sumber. Persatuan Negara-negara Asia Tenggara ("ASEAN") bagaimanapun gagal meneruskan aliran menaik apabila ekonomi China dan masalah tempatan memberi tekanan kepada sentimen. Keputusan pungutan suara United Kingdom yang mengejutkan pada Jun 2016 telah mencetuskan aliran pergerakan yang tidak menentu tetapi pasaran mengalami lonjakan semula dengan agak pantas. Apabila risiko semakin diterima, pasaran pada Julai 2016 mencatatkan rekod aliran masuk ke dalam aset Pasaran Baru Muncul ("EM") dan ekuiti EM Asia.

Namun menjelang penghujung tahun, ekuiti China mula perlahan selepas kejatuhan besar pasaran bon berikutan pengumuman dasar moniteri yang lebih ketat oleh pihak berkuasa. Ekuiti India juga menghadapi bulan yang tidak menentu apabila kesan penyahwangian terus membimbangkan pelabur. Melawan aliran turun, ekuiti ASEAN akhirnya meningkat naik, didahului oleh Indonesia apabila Fitch menyemak semula unjuran penarafannya.

Secara keseluruhannya, sentimen ke arah pasaran ekuiti Asia ternyata dimangkin oleh berita-berita AS. Retorik bersifat perlindungan daripada presiden baru, kebimbangan kadar faedah yang tinggi, dan Dolar AS ("USD") yang lebih kukuh telah menyebabkan pelabur meninggalkan ekuiti pasaran baru muncul. Aliran keluar diperburukkan lagi oleh mensyuarat Fed pada bulan Disember, yang menaikkan kadar faedah AS sebanyak dua puluh lima mata asas, dan Fed memberi petanda bahawa kadar faedah mungkin akan dinaikkan sebanyak tiga kali lagi pada 2017.

## Ulaskan Pasaran

### Global

#### Ringkasan Pasaran

2016 bermula agak lemah apabila kebimbangan mengenai pergerakan ekonomi China yang perlahan dan susutnilai RenMinBi (“RMB”) mencetuskan jualan turun global. Harga minyak juga turut jatuh serendah USD27.10 setong berikutan terdapat lebih bekalan dan permintaan yang rendah. Ia telah menggalakkan penurunan jualan di sektor berkaitan tenaga dan menaikkan kemungkinan berlaku keingkaran tinggi untuk pulangan bon.

Dalam langkah yang memeranjatkan, Bank of Japan memperkenalkan kadar faedah negatif untuk bertindak balas terhadap pergerakan global yang perlahan dan akibatnya, kadar di negara maju turut jatuh apabila pelabur bon kerajaan Jepun membeli hutang kerajaan berpulangan lebih tinggi. Dalam keadaan yang sama, Bank Pusat Eropah melanjutkan pelonggaran kuantitatif di Eropah dan turut mengurangkan kadar faedah. Rizab Persekutuan AS (“AS”) juga mengekalkan kadar pada bulan Mac, menandakan faktor global memainkan peranan dalam keputusannya untuk menghentikan pergerakan.

Pada pertengahan tahun, keputusan luar jangkaan daripada pungutan suara United Kingdom (“UK”) menjadi tumpuan utama dan menyebabkan terdapat peningkatan dalam pengelakkan risiko. Ekuiti global mengalami penjualan dan Sterling mengalami kejatuhan. Sebaliknya, harga emas meningkat naik dan pulangan bon kerajaan jatuh lebih rendah apabila pelabur menggumpul aset selamat.

Kejayaan Trump yang tidak dijangka menguasai tajuk berita semasa tahun hampir melabuhkan tirainya. Ekuiti pasaran maju melonjak naik manakala bon dijual turun apabila pelabur membuat pertaruhan mengenai kemungkinan berlaku penterbalikan dasar oleh Trump. Ekuiti AS melonjak ke paras tinggi bersejarah manakala pulangan bon naik dengan pantas apabila pelabur beralih arah kepada aset berisiko. Akhirnya, Rizab Persekutuan AS menaikkan kadarnya dan memberi petanda akan berlaku lebih banyak langkah pengetatan yang agresif pada 2017.

Akibat kesan yang dibawa oleh Trump dan rentak kenaikan kadar yang lebih tinggi di AS, Dolar AS melonjak ke paras tertinggi selepas beberapa tahun dan memusnahkan aset Pasaran Baru Muncul (yang sebelum ini mengalami tahun mengagumkan sehingga pilihanraya AS), kecuali Brazil dan Rusia; kedua-dua pasaran ini berkembang pesat atas pemulihan harga minyak yang disokong oleh perjanjian bersejarah untuk mengawal pengeluaran di antara Organization of the Petroleum Exporting Country [Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum] (“OPEC”) dan Bukan-OPEC.

## PRESTASI DANA

### Takafulink Dana Ekuiti

Pada 31 Disember 2016, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana menurun sebanyak -3.88% kepada RM2.09467 berbanding dengan RM2.17916 pada 31 Disember 2015.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 109.32%.

### Takafulink Dana Bon

Pada 31 Disember 2016, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat ke RM1.46903 daripada RM1.40081 pada 31 Disember 2015, mencatat pulangan sebanyak 4.87% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 46.85%.

### Takafulink Dana Urus

Pada 31 Disember 2016, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Urus adalah pada RM1.952231 berbanding dengan RM1.99378 pada 31 Disember 2015, mencatat pulangan negatif sebanyak 2.08% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 95.11%.

### Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Pada 31 Disember 2016, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana telah meningkat sebanyak 9.49% kepada RM1.58865 berbanding dengan RM1.45091 pada 31 Disember 2015.

Sejak penubuhannya (5 April 2010), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 58.86%.

## UNJURAN PELABURAN

### Ekuiti

2017 dijangka akan menjadi satu lagi tahun yang sangat bergelora. 2017 bakal menyaksikan beberapa pilihanraya utama yang perlu diberi perhatian: Pilihanraya Ketua Eksekutif Hong Kong, Pilihanraya Presiden Perancis, Pilihanraya Presiden Iran dan Pilihanraya Jerman. Malaysia juga mungkin memilih untuk melaksanakan pilihanraya umum lebih awal, dengan tarikh terakhir pada penghujung April/awal Mei 2018. UK mungkin akan melaksanakan Artikel 50 pada bulan Mac 2017, dan potensi perubahan parti memerintah selepas pilihanraya Eropah yang bakal berlangsung turut menambah ketidakpastian ke dalam keadaan pasaran.

Hubungan yang semakin rapat di antara Malaysia dan China dijangka akan membawa pengaruh yang lebih besar ke atas sektor pembinaan dan hartanah pada bulan-bulan akan datang – walaupun kesan gandaan ke atas ekonomi Malaysia masih belum dapat ditentukan. Butiran lanjut mengenai bahagian mana yang akan diberikan kepada kontraktor tempatan masih belum didedahkan. Melangkah ke 2017, penggunaan seharusnya turut bertambah dengan adanya pembayaran BR1M yang lebih besar kepada lebih ramai penerima. Harga minyak mentah yang lebih tinggi serta pengeluaran pertanian yang dijangka lebih baik memandangkan El Nino telah berlalu juga akan memberi lebih kelegaan kepada keseimbangan fiskal kerajaan. Bagaimanapun, memandangkan pengguna adalah pemangkin pertumbuhan yang berdaya tahan, ringgit yang lebih lemah akan memberi kesan negatif ke atas perbelanjaan boleh guna kerana kebanyakan barangan makanan dan minuman kita adalah diimport, dan sekaligus ia turut menjejaskan keyakinan pengguna secara amnya.

Kami kekal berwaspada, mencari peluang untuk mengumpul saham asas yang kukuh walaupun lemah.

### Sukuk

Ia adalah permulaan baharu untuk AS apabila Donald Trump mengangkat sumpah sebagai Presiden Amerika Syarikat ke-45 pada 20 Januari 2017. Donald Trump akan mengambil alih secara rasmi daripada Presiden semasa Barack Obama dan perlantikannya akan menandakan bermulanya aliran ketidakpastian di seluruh ekonomi global. Dasar baharu beliau mungkin menyebabkan berlakunya perbelanjaan fiskal dan pemetongan cukai yang lebih tinggi yang boleh membawa kepada bekalan hutang yang lebih banyak dan pulangan perbendaharaan AS yang lebih tinggi di AS. Tambahan pula, terdapat keraguan mengenai nasib masa depan perjanjian perdagangan dan perkongsian semasa yang telah ditandatangani dengan AS. Bagaimanapun, dasar-dasar baharu ini masih belum dimuktamadkan dan pelabur akan mengawasi dengan teliti sebarang pengumuman rasmi baharu yang mungkin beliau lakukan selepas beliau mengangkat sumpah sebagai Presiden AS yang baru.

## Unjuran Pelaburan

### Sukuk (sambungan)

Pada 14 Disember 2016, pihak Fed menetapkan julat sasaran baru untuk kadar dana persekutuan pada 0.5% hingga 0.75%, naik dari 0% hingga 0.25%. Ini adalah kenaikan kedua sejak kadar diturunkan kepada hampir sifar pada Disember 2008. Pihak Fed juga mengumumkan ramalan yang dikemaskini memandangkan kini pihak Fed menjangkakan tiga kenaikan kadar faedah untuk 2017 berdasarkan kadar unjuran “dot plot” baharu berbanding dua kenaikan kadar yang diunjurkan sebelumnya. Laluan baharu ini menandakan bahawa pihak Fed kini bersedia untuk menaikkan kadar faedah kerana pihak Fed telah mengambilkira kesan pelaksanaan janji pentadbiran Trump mengenai pemotongan cukai, perbelanjaan dan penyahkawalseliaan. Bagaimanapun, pihak Fed akan terus mengawasi perkembangan ekonomi dan petunjuk pasaran buruh sebelum menaikkan kadar faedahnya.

Melangkah ke hadapan, BNM akan memberi lebih tumpuan ke atas penyediaan sokongan untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan pada bulan-bulan akan datang. BNM menjangka inflasi akan kekal stabil pada 2017 bersandarkan persekitaran harga komoditi dan tenaga global yang rendah, serta inflasi global yang sederhana secara amnya. Kami percaya BNM akan membiarkan kadar OPR, dan sebarang kemungkinan perubahan kadar bergantung kepada data mengenai ketidakpastian luaran dan pertumbuhan tempatan.

Kami menjangka pasaran pendapatan tetap akan bergelora pada 2017 memandangkan terdapatnya ketidakpastian dalam latar politik dan keadaan ekonomi global. Prestasi MYR, pengetatan dasar moniteri oleh pihak Fed, pertumbuhan China dan perkembangan politik di Eropah akan menjadi faktor risiko utama pada 2017 dan ia mungkin memberi kesan kepada pasaran sukuk kerajaan tempatan. Untuk segmen sukuk korporat tempatan, kami masih berwaspada tentang peningkatan risiko mengenai penurunan taraf dan keingkaran di pasaran kredit berikutan persekitaran perlahan yang berlarutan. Dari segi bekalan, kami percaya korporat akan kekal berhati-hati untuk melangkah ke arah perkembangan atau perbelanjaan modal pada 2017 dengan adanya ketidakpastian yang menyelubungi unjuran ekonomi tempatan dan global dan mereka mungkin menanggukkan perancangan untuk memasuki pasaran sukuk korporat.

### Asia-Pasifik kecuali Jepun

Ekuiti Asia masih amat murah berbanding purata jangka panjangnya dan berbanding pasaran maju di Barat. Pelaburan pada penilaian ini secara sejarahnya terbukti menjadi titik masuk yang sangat menarik. Kini kami melihat pertumbuhan ekonomi yang semakin baik, disokong oleh peningkatan perolehan di seluruh Asia, sekaligus menggalakkan sentimen yang lebih baik untuk saham-saham di rantau ini.

### Global

